

Sukan

KEJOHANAN PENCAK SILAT ANTARABANGSA TERBUKA BELANDA

Suhaila sasar matlamat jadi juara dunia

► ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg

SRIKANDI silat negara, Nurul Suhaila Mohd Saiful, menetapkan matlamat merebut gelaran dunia pada penghujung tahun ini selepas memenangi pingat emas dalam Kejuhanan Pencak Silat Antarabangsa Terbuka Belanda.

Keyakinan itu terpancar apabila Nurul Suhaila dan bekas juara dunia Muhammad Shakir Juanda muncul juara dalam kejuhanan pencak silat di Eropah itu pada hujung minggu lalu.

Pemegang Biasiswa Spex itu bukan sahaja mengalahkan 'musuh' ketat beliau, pesilat Malaysia Nurul Ain Sohrab, malah menunjukkan prestasi memberangsangkan untuk memenangi gelaran Atlit Terbaik Kejuhanan berdasarkan pungutan markah terbanyak dan persembahan paling menarik.

"Matlamat akhir saya tentunya menjadi juara dalam Kejuhanan Pencak Silat Sedunia yang bakal berlangsung di Bali, Indonesia, pada Disember ini.

"Namun, saya akan mengambil langkah setapak demi setapak ke arah itu dengan melayakkan diri ke final setiap kejuhanan yang saya sertai, termasuk dalam kejuhanan akan datang iaitu Sukan Pantai Kelima Asia di Vietnam bulan ini," kata Nurul Suhaila, 21 tahun, yang melahirkan kegembiraan dapat mengalahkan Nurul Ain.

Dengan kemenangan tersebut, rekod pertemuan beliau dengan pesilat itu kini 2-2 selepas beliau menang sekali dalam Kejuhanan Pencak Silat Sedunia di Thailand pada Januari tahun lalu dan tewas dua kali selepas itu.

"Saya berasa gembira dan lega dapat mengalahkan Nurul Ain kerana saya sebelum ini tertekan sebab tidak mahu kalah padanya lagi.

"Sebagai persiapan, saya mengikuti strategi dan arahan jurulatih apabila perlu berdepan dengan beliau dan sewaktu berada dalam gelanggang, saya hanya memberi tumpuan kepada kekuatan saya. Akhirnya, saya menang dan saya berasa seronok sekali," tambah Nurul Suhaila, yang menamatkan pengajian dalam kursus Diploma Sebaran Am di Politeknik Ngee Ann pada April la-



HARUMKAN NAMA NEGARA DI BELANDA: Nurul Suhailah (*dua dari kanan*) bukan sahaja berjaya memenangi pingat emas, malah terpilih sebagai Atlit Terbaik Kejuhanan Pencak Silat Antarabangsa Terbuka Belanda. Turut memenangi pingat emas ialah Shakir (*dua dari kiri*), manakala Nurzuhairah menang perak dan Sheik Farhan (*kiri*) gangsa. Bersama mereka ialah Ketua Pegawai Eksekutif Persisi. Sheik Alau'ddin Yacoob Marican (belakang) dan jurulatih, Muhammad Fiqri Aspandi (*kiri*).— Foto ihsan MUHAMMAD SHAKIR JUANDA

lu.

Untuk mencapai matlamat dalam kejuhanan dunia nanti, beliau merancang berlatih lebih gigih untuk melayakkan diri dalam final kejuhanan yang disertai.

Nurul Suhaila kini menjalani latihan intensif setiap hari bersama dua lagi pemegang Biasiswa Spex – Shakir dan Sheik Farhan Sheik Alau'ddin – sebagai persiapan

menghadapi Sukan Pantai di Vietnam.

"Walaupun saya perlu berlatih dengan pesilat lelaki – yang sangat mencabar – saya bersyukur kerana segala penat lelah dan usaha saya membuahkan hasil dan saya dapat lihat kemajuannya," ujar Nurul Suhaila, yang menanggukuhkan rancangan bekerja untuk menumpukan sepenuh perhatian pada silat buat masa ini.

Selain pingat emas yang dimenangi Nurul Suhaila dan Shakir (Kelas I: 85-90 kg), pasukan empat pesilat negara yang menyertai Kejuhanan Pencak Silat Antarabangsa Terbuka Belanda itu turut memenangi pingat perak menerusi Nurzuhairah Mohd Yazid (Kelas A: 45-50kg) dan gangsa oleh Sheik Farhan (Kelas J: 90-95kg).